



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH GAYA KEPIMPINAN GURU TERHADAP TAHAP KEPUASAN
MURID DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN
JASMANI SEKOLAH MENENGAH

RUZEANNA BT ABDULLAH @ JAHARI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)
(MOD KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN LAPORAN KERTAS KERJA iii

DEDIKASI iv

PENGHARGAAN v

ABSTRAK vi


05-4506832


pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah


PustakaTBainun


ptbupsi

ABSTRACT vii

KANDUNGAN viii

SENARAI JADUAL xii

SENARAI RAJAH xiii

SENARAI SINGKATAN xiv

SENARAI LAMPIRAN xv

BAB 1

PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Persoalan Kajian	8
1.4	Kepentingan Kajian	8
1.4.1	Terhadap Guru	8
1.4.2	Terhadap Penyelidik	9
1.4.3	Terhadap Sekolah	9
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Kerangka Konsep	11
1.7	Batasan Kajian	12
1.7.1	Delimitasi Kajian	12
1.7.2	Limitasi Kajian	14
1.8	Definisi Operasional	14
1.8.1	Konsep Kepimpinan	10
1.8.2	Konsep Pendidikan Jasmani	11
1.8.3	Konsep Kepuasan	16

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	18
2.2	Definisi Pembolehubah	19
	2.2.1 Definisi Kepimpinan	20
	2.2.2 Definisi Matapelajaran Pendidikan Jasmani	21
2.3	Teori	22
	2.3.1 Gaya Kepimpinan Latihan dan Arahan	23
	2.3.2 Gaya Kepimpinan Autokratik	23
	2.3.3 Gaya Kepimpinan Demokratik	23
	2.3.4 Gaya Kepimpinan Sokongan Sosial	24
	2.3.5 Gaya Kepimpinan Maklum Balas Positif	24
2.4	Kajian Lampau	25
2.4	Rumusan	29

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	30
3.2	Reka Bentuk Kajian	31
3.3	Persampelan Kajian	31
3.4	Lokasi Kajian	32
3.5	Populasi Kajian	32
3.6	Instrumen Kajian	33

3.7	Prosedur Pengumpulan Data	34
3.8	Penganalisan Data	35

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	38
4.2	Profil Demografi Peserta Kajian	39
4.3	Analisis kesahan Soal Selidik Keberkesanan PdP	39
4.4	Analisis kesahan soal selidik Gaya Kepimpinan	40
4.5	Analisis Min Sisihan Piawai Gaya Kepimpinan	41

4.6	Analisis Ujian-t Gaya Kepimpinan berdasarkan jantina	42
4.7	Analisis Min Sisihan tahap kepuasan Murid	44
4.8	Analisis Ujian-t tahap kepuasan murid berdasarkan jantina	45
4.9	Analisis Kolerasi	46

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	47
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	48
5.2.1	Dapatan Persoalan Kajian 1	48



5.2.2	Dapatan Persoalan Kajian 2	49
5.2.3	Dapatan Persoalan Kajian 3	50
5.2.4	Dapatan Persoalan Kajian 4	51
5.2.5	Dapatan Persoalan Kajian 5	52
5.3	Kesimpulan	53
5.4	Implikasi kajian	54
5.5	Cadangan kajian selanjutnya	55





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.6.1	Indeks Tahap Kekuatan 5 Skala Likert	34
3.6.2	Indeks Kolerasi Pearson	30
4.2	Taburan responden	39
4.3	Jadual Nilai Kesahan Keberkesanan PdP	40
4.4	Jadual Nilai Kesahan Gaya Kepimpinan	40
4.5	Analisis Deskriptif Gaya Kepimpinan	40
4.6	Analisis Ujian-t Gaya Kepimpinan berdasarkan jantina	44
4.6.1	Jadual Kedudukan Gaya Kepimpinan mengikut pilihan murid	44
4.7	Analisis Deskriptif Tahap Kepuasan Murid terhadap PdP	43
4.8	Analisis Ujian-t tahap kepuasan murid terhadap PdP Berdasarkan jantina	45
4.9	Analisis Kolerasi Gaya Kepimpinan dengan tahap kepuasan murid	46





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Jadual

Muka Surat

1.6

Kerangka Konsep Kajian

11



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

PPD	<i>Pejabat Pendidikan Daerah</i>
KPM	<i>Kementerian Pendidikan Malaysia</i>
PDP	<i>Pengajaran dan Pembelajaran</i>
IBM SPSS	<i>International Business Machine Statistical Packages for Social Science</i>
LSS	<i>Leadership Scale for Sport</i>
PJ	<i>Pendidikan Jasmani</i>
BP	<i>Batu Pahat</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
A	Borang Soal Selidik Keberkesanan Pelaksanaan Sesi PdP	59
B	Borang Soal Selidik Gaya Kepimpinan	60





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 PENGENALAN

Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) sering dianggap sebagai mata pelajaran sampingan, tidak penting mahupun mata pelajaran main-main. Rasionalnya adalah kerana mata pelajaran ini tidak dinilai dalam peperiksaan-peperiksaan utama, mata pelajaran ini di pandang sambil lewa sehingga ada sekolah yang mengambil waktu mata pelajaran Pendidikan Jasmani untuk di gantikan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran lain yang lebih penting dan di ambil dalam peperiksaan utama. Dan seringkali juga terjadi apabila guru-guru yang mengajar mata pelajaran



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

penting disekolah meminta guru pendidikan jasmani untuk memberikan masa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani di anjakan dengan mata pelajaran utama peperiksaan. Walaupun kementerian telah mengubal sukatan pelajaran untuk pendidikan Jasmani, namun tidak di pandang penting oleh guru mata pelajaran lain.

Menurut Wee (2009), mata pelajaran Pendidikan Jasmani memberi peluang kepada pelajar menikmati kepuasan serta kegembiraan melalui aktiviti yang bersesuaian dengan jasmani dan psikologi semasa di padang ataupun luar bilik darjah.

Dalam Agama Islam itu sendiri telah menyatakan bahawa Pendidikan Jasmani dianggap sebagai tunjang dalam membentuk seseorang guru sebagai satu pekerjaan yang di beri perhatian. Dalam dunia pendidikan proses pengajaran dan pembelajaran seseorang guru adalah menyediakan murid mampu meneruskan kehidupan selepas dunia pembelajaran serta memperoleh pekerjaan dan mampu mengadaptasi semua bidang, Ahmad (2012).

Guru merupakan role model kepada anak-anak muridnya. Ini kerana peranan seseorang guru itu terhadap anak murid ialah memastikan murid-muridnya mendapat maklumat yang disampaikan dengan betul. Guru juga sentiasa memastikan murid-muridnya melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kebaikan dan bukan kemudaratan kepada mereka. Pengaruh guru sangat besar dalam memastikan semua muridnya berasa seronok dan puas dalam pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung. Menurut Dr Norkhalid (2009), ada menyenaraikan isu-isu yang sering dikaitan dengan mata pelajaran Pendidikan Jasmani seperti mata pelajaran tidak penting, guru yang kurang berkemahiran mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani,

proses penilaian dan pengukuran pencapaian murid tidak jelas dan persepsi ibu bapa yang kurang gemar dengan mata pelajaran ini.

Punca kegagalan pendidik untuk mengenalpasti kelemahan peserta ataupun murid dalam program latihan dan kemahiran mahupun pengesanan bakat adalah kerana guru itu sendiri kurangnya pendedahan yang mendalam terhadap satu-satu bidang, masa yang singkat dan tidak dapat mengenalpasti bakat murid, Ahmad (2012).

Cabaran biasanya datang seiring bersama-sama pada ketika seseorang pemimpin itu hendak membawa orang bawahannya bagi mencapai matlamat organisasi. Pemimpin yang berkebolehan mengenalpasti gaya kepimpinan yang bersesuaian mengikut kehendak murid adalah guru yang baik. Sehingga kehari ini, penyelidikan tentang gaya kepimpinan ini dilakukan secara meluas adalah bertujuan untuk mengubah sikap dan tingkahlaku seseorang untuk melakukan perubahan yang berkesan, Ishak, (2002).

Dalam Pendidikan Jasmani, gaya kepimpinan merangkumi aspek mengendalikan kelas, merancang pembelajaran, seterusnya melaksanakan kegiatan pembelajaran dan menilai hasil pembelajaram Pendidikan Jasmani.

Kepimpinan seorang guru Pendidikan Jasmani dapat dilihat jelas peranannya sebagai pemimpin ketika melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani, maklumbalas murid terhadap gurunya bergantung dengan perlakuan gurunya, isi kandungan aktiviti serta objektif pengajaran yang diajar ketika itu.

Billmayer (2012), menyatakan melalui kepimpinan seseorang guru itu mampu berurusan dengan pelbagai ragam ibu bapa dan murid. Aktiviti yang dirancang guru dapat dilaksanakan dengan baik dan dapat akhirnya mencapai satu pembelajaran berkesan.

Kepimpinan wujud dari kata dasar pimpin. Pimpin yang membawa maksud bimbing, pandu atau tunjuk. Memimpin membawa maksud membantu untuk sampai kesesuatu arah dengan memegang tangan. Kepimpinan bermaksud kebolehan kecekapan dan kepimpinan iaitu kebolehan menjadi seorang pemimpin (Kamus Dewan 1994).

Justeru itu, didalam konteks pengajaran dan pembelajaran seseorang guru perlulah mempunyai gaya kepimpinan yang baik dalam menguruskan kelas untuk menambahkan minat murid belajar seterusnya meningkatkan prestasi murid dalam pembelajaran.

Adeyami (2010), kepimpinan ialah satu proses menyampaikan maklumat secara orang perseorangan mahupun berkumpulan bagi mempengaruhi orang lain dalam mencapai matlamat.

Loganathan (2012), menegaskan bahawa perkara yang penting dalam mengkaji gaya kepimpinan adalah kerana kepentingan dalam kejayaan institusi, dan pencapaian matlamat dalam pendidikan.

Sesetengah pemimpin kebiasaannya mempunyai gaya kepimpinan yang tersendiri bagi memperlihatkan identity pemimpin (2010). Tidak semua pemimpin akan memilih gaya kepimpinan yang bersifat demokratik dan terbuka terhadap orang yang dipimpinnya. Menurut Shakir. R, (2004) guru perlu mencari satu gaya kepimpinan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang mudah supaya murid tidak takut atau fobia apabila berdepan dengan guru, Manning & Curtis, (2009). Malah murid boleh menjadikan guru sebagai idola kerana guru dapat mengenalpasti untuk memilih gaya kepimpinan yang bersesuaian dengan kepuasan murid.

Chelladurai (1980, 1984), Model Kepimpinan Multidimensi Chelladurai diasaskan adalah untuk mengenalpasti ciri-ciri kepimpinan dalam sukan secara spesifik dan bukannya meminjam pendekatan dari bidang lain untuk diterapkan dalam bidang sukan. Keberkesanan pemimpin berlaku apabila wujud keselarasan antara tiga perlakuan pemimpin iaitu Perlakuan yang menepati kehendak organisasi, Perlakuan sebenar, Perlakuan yg diingini.

Dalam Skala Kepimpinan Dalam Sukan (LLS) terdapat lima gaya kepimpinan iaitu Gaya Latihan dan Arahan, Gaya Demokratik, Gaya Autokratik, Gaya Sokongan Sosial dan Gaya Maklumbalas Positif.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Kajian Shahrur (2007), telah menyatakan bilangan kajian yang melibatkan gaya kepimpinan guru dengan mata pelajaran Pendidikan Jasmani menemui kurangnya

kajian tentangnya dan mengakibatkan pihak kementerian kurang mengenalpasti

keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Ini disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Zulkifli Awang (2012), juga menyatakan bahawa kajian mengenai keberkesanan pengajaran Pendidikan Jasmani amat berkurang di Malaysia.

Edward et. Al (2012) ada menyatakan bahawa pentingnya memperbanyakkan kajian tentang keperluan memahami pentingnya gaya kepimpinan dan kesannya dalam keperluan kerja.

Zulkifli Awang (2012) turut mengenalpasti ada sesetengah pihak pentadbir sekolah mengarahkan guru yang tidak terlatih dalam bidang Pendidikan Jasmani mengajar mata pelajaran tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Muhammad Faizal A. G, Faisol. E, Zulkifli. A (2014), dalam kajian mereka menyatakan bahawa purata skor min hanya $M=3.99$ yang melibatkan kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, pemberian insentif galakan dan menggunakan masa dengan penggunaan masa yang semaksimum dalam menyampaikan isi pengajaran.

Kajian tersebut menyamai hasil kajian pada tahun (2002) oleh Chee, Khor, Fatimah, et. al mendapati masa untuk mata pelajaran Pendidikan Jasmani telah diambil oleh guru yang mengajar mata pelajaran peperiksaan sijil pelajaran Malaysia kerana mereka mendakwa mata pelajaran Pendidikan Jasmani tidak penting dan tidak di ambil kira dalam peperiksaan utama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tannenbaum R, Weschler and Massarik F (2013) mengistilahkan gaya kepimpinan ialah mempengaruhi orang lain dengan kaedah berkomunikasi secara dua hala bagi mencapai objektif yang telah disasarkan. Menurut Johnson & Fornel (1991), Anderson, Fornell dan Lehnann (1994), memberi penekanan bahawa kepuasan seseorang itu amat penting bagi mendapatkan kepercayaan seseorang terhadap perkhidmatan yang diberikan. Rasa kepuasan seseorang itu boleh dijadikan panduan untuk menentukan tahap prestasi mereka tercapai mahupun tidak.

Kepuasan pelanggan sering menjadi ukuran bukan sahaja di industri tetapi juga dalam dunia pendidikan. Murid merupakan pelanggan kepada seseorang guru yang mana guru tersebut perlu memenuhi kehendak kepuasan murid dalam sesi pembelajaran

di dalam kelas mahupun di luar kelas.

Faktor kepuasan ini sebagai bahan ukuran yang penting dalam bidang perniagaan, Hill & Alexander (2000). Rasa kepuasan itu akan mendorong agar barangan dan perkhidmatan akan berterusan diminta pada masa akan datang. Dengan ringkasnya ialah mewujudkan pengulangan permintaan di atas perkhidmatan yang baik dengan bahasa mudahnya pengguna yang setia.

Menurut Zulkifli (2011), untuk menentukan kepuasan seseorang pelanggan itu melibatkan banyak faktor. Penilaian kepuasan pelanggan berbeza-beza. Seseorang yang mahir dalam menilai kepuasan akan memerhatikan keyakinan pengguna, dan yang paling penting maklum balas dari pengguna terhadap sesuatu perkhidmatan yang ditawarkan.

Coakley dan White (1992), menegaskan faktor remaja perempuan kurang meminati bersukan adalah disebabkan pengalaman yang tidak seronok semasa di sekolah rendah. Justeru, kajian ini juga dapat mengupas samada adakah faktor jantina membuatkan remaja perempuan kurang meminati matapelajaran Pendidikan Jasmani.

Menurut Shahrudin (2004), kajian lampau mendapati gaya kepimpinan yang paling digemari ialah gaya kepimpinan maklum balas. Manakala menurut kajian Rengasamy et al., 2013 dan setahun berikutnya Wee & Rengasamy (2014) mendapati pelajar sekolah menengah lebih meminati gaya kepimpinan autokratik.

Lain pula hasil dapatan kajian Nazarudin (2009), menyatakan pula bagi pelajar universiti gaya kepimpinan Latihan & Arahan paling diminati berbanding gaya kepimpinan Autokratik dan gaya kepimpinan Demokratik.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1.4.1 Mengenalpasti gaya kepimpinan guru Pendidikan Jasmani yang diamalkan oleh guru.

1.4.2 Mengenalpasti perbezaan gaya kepimpinan guru pendidikan jasmani mengikut perspektif jantina murid.

1.4.3 Mengenalpasti tahap kepuasan murid terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani.

1.4.4 Mengenalpasti tahap kepuasan murid terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani mengikut jantina murid.

1.4.5 Mengenalpasti hubungan antara gaya kepimpinan guru pendidikan jasmani dengan kepuasan murid.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah jenis gaya kepimpinan guru Pendidikan Jasmani yang diamalkan menurut pandangan murid?
2. Adakah perbezaan gaya kepimpinan guru pendidikan jasmani mengikut perspektif jantina murid?
3. Apakah tahap kepuasan murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Jasmani?
4. Adakah perbezaan tahap kepuasan murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Jasmani mengikut jantina murid?
5. Adakah stail pengajaran guru Pendidikan Jasmani mempunyai hubungan dengan kepuasan murid?



1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

1.4.1 Terhadap guru

Kepentingan kajian ini terhadap guru kerana kajian ini boleh memperbaiki kelemahan yang ada pada seseorang guru baru mahupun yang telah lama berkhidmat dalam dunia keguruan. Disamping itu guru tersebut juga dapat mengetahui apakah gaya kepimpinan yang perlu mereka amalkan bagi meningkatkan tahap kepuasan murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Akhirnya hasil daripada dapatan kajian ini akan dapat memberikan maklumat kepada guru mengenai gaya kepimpinan yang bersesuaian mengikut latar belakang murid dan lokasi sekolah dan seterusnya




meningkatkan tahap kepuasan murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Jasmani.

Sekurang-kurangnya guru Pendidikan Jasmani dapat mengenalpasti gaya kepimpinan yang sesuai untuk di amalkan seperti keperluan dan kehendak murid agar murid lebih meminati mata pelajaran Pendidikan Jasmani.

1.4.2 Terhadap Sekolah

Hasil daripada kajian ini nanti keputusan kajian dapat memberikan manfaat kepada pihak sekolah untuk menentukan guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani mempunyai gaya kepimpinan yang bersesuaian bagi menarik minat murid untuk mengikuti pembelajaran tersebut seterusnya memperolehi pencapaian yang cemerlang.



**1.6 KERANGKA KONSEP**



1.7 BATASAN KAJIAN

1.7.1 Delimitasi Kajian

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengenalpasti gaya kepimpinan guru Pendidikan Jasmani sekolah menengah daerah Batu Pahat terhadap kepuasan murid.

Untuk mengkaji gaya kepimpinan ini, kajian ini memfokuskan 5 gaya kepimpinan seperti di nyatakan oleh iaitu Gaya Kepimpinan Latihan dan Arahan, Gaya Kepimpinan Demokratik, Gaya Kepimpinan Autokratik, Gaya Kepimpinan Sokongan



Sosial dan Gaya Kepimpinan Maklum Balas Positif

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan instrumen yang telah dibangunkan oleh Chelladurai dan Salleh (1980) bagi *Leadership Scale for Sport (LSS)*, yang telah diterjemahkan oleh Shahrudin Abd Aziz (2005) dan juga instrument Keberkesanan Pelaksanaan Sesi Pengajaran dan Pembelajaran. Kedua-dua borang tersebut pengkaji akan melakukan kajian rintis (*Pilot Test*) bagi mendapatkan nilai (*r*) *reability analysis scale alfa* menggunakan perisian IBMSPSS. Walaupun telah diketahui nilai (*r*) bagi soal selidik gaya kepimpinan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi, namun pengkaji bertegas melakukan kajian rintis setelah mengubah suai beberapa item dalam instrument tersebut.



Bagi menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang dibina oleh penyelidik pengkaji telah memilih responden secara rawak untuk dijadikan responden dalam kajian rintis "*Pilot Test*" seramai 30 orang murid bukan di kalangan responden sebenar untuk menjawab kedua-dua borang tersebut dan menggunakan analisis *Cronbach Alpha* untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan.

Populasi kajian melibatkan 6 buah sekolah menengah sekitar daerah Batu Pahat, Johor dan hanya murid-murid tingkatan 4 menjadi responden dalam setiap sekolah tersebut yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Jasmani.

Kesemua responden dipilih secara rawak tidak kira jantina, agama, latar belakang atau kaum. Responden-responden ini juga berbeza dari segi pencapaian dalam akademik dan mereka dianggap murid tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Jasmani.

Dalam kajian ini pengkaji telah mengenalpasti seramai 520 orang responden yang akan terlibat dalam menjawab soal selidik tersebut. Menurut Noraini Idris (2010) dalam penulisannya di dalam sebuah buku Penyelidikan dalam Pendidikan edisi ke dua menyatakan bagi populasi dengan saiz melebihi 5000 orang, hanya 10% harus dijadikan responden.

Di dalam daerah Batu Pahat, jumlah pelajar tingkatan 4 seramai 5200 orang. 10% daripada jumlah tersebut ialah seramai 520 orang responden diperlukan untuk mendapatkan data.

1.7.2 Limitasi Kajian

Sepanjang kajian ini dijalankan saya menggunakan sepenuhnya kejujuran dan rasa bertanggungjawab responden untuk menjawab soalan soal selidik mendapatkan data yang diperlukan.

Kajian ini hanya melibatkan murid-murid tingkatan 4 yang mengambil subjek Pendidikan Jasmani sekolah menengah sekitar Batu Pahat dan juga melibatkan responden murid-murid sesi pengajaran guru tersebut untuk menjawab borang soal selidik yang telah pengkaji sediakan.

Kajian ini hanya akan menumpukan tentang gaya kepimpinan dan kepuasan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Guru Pendidikan Jasmani

1.8 DEFINISI OPERASIONAL

Dalam bab ini membincangkan tentang beberapa terminologi khusus yang telah disediakan oleh penyelidik semasa melaksanakan kajian ini. Pembahagian terminologi ini adalah bertujuan untuk memudahkan lagi pemahaman berkaitan tajuk penyelidikan ini. Terdapat beberapa konsep atau istilah yang digunakan di dalam kajian ini antaranya ialah: